Tinjauan Luar Negeri

Kekacauan di Congo

Semboyan: **Dalam negara Congo yang baharu tumbuh**

Manusia pemimpin saling bergaduh

Rakyat menderita semakin rusuh

Membuat suasana bertambah keruh

Mungkinkah B.B. membawa selusuh?

Oleh: E.B. Husni

Presiden Kasa-Vubu

Keadaan suasana di Congo pada bulan-bulan yang lalu bukannya bertambah reda, akan tetapi sebaliknya semakin bertambah keruh. Keamanan dan kemakmuran negara yang sebegitu benar diharap-harapkan oleh rakyat, tiada juga tiba, malahan kerusuhan dan perebutan kekuasaan oleh beberapa orang manusia yang menjelma, yang menyebabkan suasana bertambah kusut.

Dalam sidang tergempar Dewan Keamanan, Setiausaha Agong Dag Hammarskjöld, menyatakan, bahawa suasana keruh di Congo itu bertambah lama semakin genting keadaannya dan krisis itu sekarang menjadi sedemikian rupa sehingga mengancam keamanan dan keselamatan dan perdamaian dunia. Dia menuduh Belgium telah membantu Katanga dan Soviet Rusia membantu Lumumba, sehingga mengakibatkan pembunuhan secara besar-besaran antara sesama bangsa kulit hitam dalam negara yang baharu merdeka itu dan kemungkinan tumbuhnya dan adanya dua blok besar di dalam negara itu yang akan menimbulkan perang dingin dan kekacauan yang maha dahsyat dan sehingga memungkinkan pecahnya permusuhan yang maha besar di antara kedua blok itu yang akan menyeret dunia ke kancah peperangan yang maha hebat. Oleh sebab itu dianjurkannya supaya diadakan persesuaian faham dan perdamaian di antara kedua pihak yang bertentangan itu, supaya semua tentera semua tentera Congo dan Katanga dilucuti senjatanya serta kepada negara Congo itu diberikan bantuan ekonomi sejumlah 35 juta Pound, kemudian baharulah dibentuk ketenteraan Congo yang baharu untuk menjaga keamanan di seluruh negara itu, termasuk Katanga.

Keadaan di Congo itu semakin bertambah kacau pula, setelah pemerintahan baharu muncul pula di Congo; Kolonel Mobutu, yang telah di angkat oleh Kasa-Vubu atas nasihat Ileo menjadi Kepala Bahagian Ketenteraan melakukan rampasan kuasa pula, dan mengumumkan, bahawa mulai 16 September dialah yang berkuasa di negara itu. Dia akan menangkap Lumumba dan memberhentian Kasa-Vubu dan mempenjarakan Luandula. Dia akan memulihkan keamanan kembali di Congo dan dia akan mengadakan perdamaian dengan semua pihak yang bersengketa dan dia akan menutup semua perwakilan-perwakilan Komunis di Congo. Keputusan-keputusan Mobutu itu ialah sebagai berikut; 1. Membubarkan Dewan Perwakilan Rakyat sehingga 31 September 1960; 2. Memberhentikan selama masa itu Lumumba, Kasa-Vubu dan Ileo; 3. Menutup semua

perwakilan-perwakilan Komunis di Léopoldville.

Kasa-Vubu mengirim kawat ke B.B. meminta supaya keterangan utusan Lumumba jangan didengar lagi, oleh kerana ianya telah semuafakat dengan Moise Tshombe dari Katanga, supaya bersatu untuk membentuk negara Persekutuan Congo. Lumumba tidak mau mengalah, meskipun dia diperintahkan ditangkap, tetapi dia dapat bersembunyi dan di dalam pada itu mengirimkan wakilnya Thomas Kanza untuk berucap pada sidang Dewan Keamanan B.B. di New York. Sementara itu pemerintah Ghana dan Rusia menyokong pemerintah Lumumba, dan menyatakan, bahawa pemerintahan Joseph Ileo (lantikan Kasa-Vubu) itu tidak sah. Lumumba meminta bantuan senjata selekas mungkin dari B.B. oleh kerana jiwanya sendiri sekarang sudah terancam, tambahan lagi di Katanga terjadi pembunuhan secara besar-besaran antara polis dan suku-suku bangsa Negro, sehingga 70 orang mati dan beratus-ratus orang yang cedera; berhubung dengan ini 300 orang tentera Congo telah masuk menyerang daerah Katanga Utara.

Pada 17 September Bangsa-bangsa Bersatu mengadakan persidangan tergempar. Rusia menuduh Dag Hammarskjöld berat sebelah dan mencuba hendak menjadikan negara Congo itu menjadi negara pengekor yang dipermain-mainkan oleh NATO. Hammarskjöld membantah tuduhan-tuduhan ini dengan sekeras-kerasnya dan dia akan meletakkan jawatannya sekiranya tuduhan ini dilemparkan dengan tak semena-mena kepadanya.

Akhirnya dalam sidang 20 September, sidang B. B. menerima dengan suara 70-0 (dengan 11 suara tidak mengundi) anjuran-anjuran dari Ceylon dan Tunis atas nama Blok 17 Negara-negara Asia–Afrika, sebagai yang dirakamkan di bawah ini.

1. Menyeru dengan sebulat suara supaya semua negara, baik secara langsung atau tidak langsung jangan memberi senjata atau lain-lain alat kelengkapan perang dan anggota-anggota tentera atau lain-lain bantuan untuk tujuan-tujuan tentera di Congo dalam masa sementara bantuan tentera diberikan oleh B.B.
2. Menyeru kepada semua kerajaan anggota memberikan sumbangan segera kepada tabung wang B.B. untuk Congo akan digunakan di bawah kawalan B.B. dan dengan berunding dengan Kerajaan Pusat untuk tujuan memberi bantuan yang sedapat-dapatnya.
3. Menyeru kepada semua rakyat Congo dalam Republik itu berikhtiar menyelesaikan segera secara aman segala pertikaian dalam negeri demi perpaduan dan keutuhan Congo dengan bantuan yang selayaknya dari wakil-wakil Asia dan Afrika yang dilantik oleh Jawatankuasa Penasihat di Congo dengan berunding dengan Setiausaha Agong B.B. untuk tujuan mencari perdamaian.

Berhubung dengan keputusan usul-usul ini, maka nyatalah, bahawa sidang tergempar Majlis Perhimpunan Agong B. B. telah memberikan kepada Setiausaha Agong B.B. Tuan Dag Hammarskjöld, mandat baharu untuk mengamankan Congo. Kerana itu pula Rusia menarik semula penentangannya yang hebat terhadap polisi Dag Hammarskjöld di Congo itu. Dengan hal yang demikian dapatlah Dag Hammarskjöld bertindak atas nama seluruh B.B. untuk meredakan keadaan-keadaan yang rusuh di Congo itu.

Inilah pertama kalinya Blok Asia–Afrika memperlihatkan persatu-padunya yang telah teguh dengan tidak mengendahkan Blok Barat atau Blok Merah. Mereka menunjukkan kepada dunia keyakinannya yang penuh dan kesanggupannya yang besar untuk dapat turut serta dalam hal memegang peranan yang penting dalam hal perdamaian dan keamanan dunia umumnya dan berkenaan suasana di Congo khususnya.

Sebenarnya suasana hangat di Congo itu belum selesai. Masih banyak lagi akibat-akibatnya yang bakal terjadi. Dalam pada itu Kolonel Mobutu, telah tidak mengizinkan

Lumumba keluar dari rumahnya untuk menemui menteri-menteri Kabinetnya kita masih belum mendapat pengumuman yang rasmi dari Mobutu, Kasa-Vubu dan Lumumba demikian juga dari pemimpin-pemimpin yang lainnya, ataukah mereka itu suka berdamai dan melepaskan kepentingan diri sendiri guna menegakkan negara Congo yang berdaulat, yang aman, makmur dan berbahagia.

Setelah Dag Hammarskjöld mendapat mandat yang baru ini dari Bangsa-bangsa Bersatu, marilah pula sama-sama kita perhatikan pada masa yang akan datang ini, ataukah dia dapat melaksanakan tugasnya itu dengan mendapat hasil yang memuaskan, dengan mendapat bantuan serta kerjasama dari seluruh rakyat Congo sendiri dan disokong oleh persatuan segenap anggota dari negara-negara Blok Asia–Afrika, yang menjadi penasihat dari Setiausaha Agong B.B. di Congo itu.

Dari Sebulan ke Sebulan

Sambungan dari muka 41

mereka untuk menyelesaikan perkara itu. Ini, ertinya, Tengku, Indonesia tidak mau berunding dan bermesyuarat lagi. Kalau sudah begitu apakah gunanya Tengku bersusah-susah, nanti dikatakan orang hidung tak mancung pipi tersorong-sorong.

* * *

Perkara-perkara mengenai "orang-orang Arab yang bergelar Syed" telah menjadi perkara yang sangat-sangat dibesarkan oleh dua buah akhbar Melayu tempatan dan mereka berpendapat ada hina menghinakan kerana orang-orang yang memakai perkataan Syed itu pada permulaan namanya itu kononnya telah menjadikan orang lain hina. Tuan Syed Nasir bin Ismail dengan tegasnya telah menyatakan bahawa keturunan ini tidak meminta dipanggil hamba Habib atau seumpamanya dan mereka pula tidak terasa hina kalau dipanggil namanya sahaja, encik dan sebagainya. Bahkan mereka lebih senang kalau dipanggil nama sahaja. Tidak ada seorang pun di antara mereka yang dapat menahan kalau seorang yang hendak berbahasa mengikut apa yang dikatakannya. Orang tidak dapat menegah. Sedangkan almarhum Sultan Ibrahim Johor, pun tatkala hendak mengalungkan Darjah Kerabat kepada Mufti Johor dahulu, berkata: "Harap Habib maafkan saya hendak mengalungkan ini." Orang mau menghormati orang lain, tidak ada seorang pun yang menahan.

Perkara ini merebak pula tentang kahwin Sharifah. Tidakkah sudah berapa banyak Sharifah berkahwin dengan orang yang bukan Syed? Kalau seorang bapa tidak mau mengkahwinkan anaknya kepada orang yang tidak disukainya, siapa yang melarangnya dan siapa yang dapat menyalahkan bahkan kalau seorang bapa reda mengkahwinkan anaknya sekalipun dengan orang penjudi dan peminum siapakah yang dapat menahan? Hak bapa (wali) masih ada kuatkuasa di Tanah Melayu (mengikut mazhab). Apakah perkara itu mesti di besar-besarkan juga padahal bab kufu dipakai di dalam tiga daripada empat mazhab *aḥl al-Sunnah*? Tidakkah Shāfi'ī, Ḥanafī dan Ḥanbalī menetapkan adanya kufu dalam Islam? Sebahagian besar orang-orang ini pun tidak gemar adanya ini tetapi bolehkah mereka mengikis asal darah mereka? Kalau persoalan ini dibahas tentunya panjang dan tidak akan sudahnya terutamanya apabila akhbar tempatan itu selalunya mengeluarkan pendapat-pendapat yang bersetuju dengannya sahaja. Hal ini tidak merebak melainkan ada sesuatu tujuan di belakangnya yang masing-masing orang mengetahuinya. Kepada yang ikhlas; berjuanglah terus untuk menunaikan kewajipan terhadap agama.